

08 OCT 2001

Hishammuddin-Pas

PEMUDA UMNO MINTA PAS SELESAIKAN MASALAH DENGAN DAP DULU

PUTRAJAYA, 8 Okt (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini berkata pemimpin Pas seharusnya menyelesaikan masalah parti itu dengan DAP terlebih dahulu daripada mempertikaikan status Malaysia sebagai negara Islam.

Beliau berkata sebagai bekas rakan dalam pakatan pembangkang, Pas adalah pihak paling sesuai untuk memberi penjelasan mengenai konsep negara Islam kepada DAP tidak memahami perkara itu.

"Saya nasihatkan pembangkang itu supaya menjelaskannya kepada DAP dulu sebab DAP tidak faham," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Pemimpin Muda Asia-Eropah Kelima di sini hari ini.

Hishammuddin berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Pas yang berterusan mempertikaikan perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Sept.

Dalam pada itu Setiausaha Agung DAP Kerk Kim Hock pula dilaporkan berkata parti itu dan rakyat Malaysia yang memahami dan menerima sistem sekular dalam Perlembagaan 1957, terkejut dengan kenyataan Perdana Menteri itu.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata laungan Pas mengenai konsep negara Islam tidak membawa makna sekiranya ia gagal mengubah tanggapan dunia mengenai agama Islam.

"Kita boleh jadi jaguh kampung tapi jika kita tidak dapat mengubah persepsi dunia terhadap Islam, maka ia tidak bererti," katanya.

-- BERNAMA

NM AZZ NMO